



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 Sep2021 (Thursday)

Berita Harian

'Rayuan' Thanabalan punca jaringan 'roket' 1

Utusan Malaysia

Bimbang pencemaran berulang 2

Hanya libatkan pemasangan bateri YDP MPKL 3

Kosmo

Darren , Kalamullah jadi sandaran PJ City 4

Sinar Harian

Mahu kemudahan asas diberi perhatian 5

Naik taraf sistem saliran bertahan sampai 100 tahun 6

Bank Muamalat bantu usahawan Asnaf dan B40, terkesan akibat pandemik 7

Bernamea Radio 24

Projek Tebatan Banjir 100 Tahun Selangor dijangka siap setahun lagi 8

The Star

First phase of flood mitigation work along Jalan Cheras to be completed on Oct 9 9

MBSJ mulling action against unvaccinated staff 10

Groceries provided to Hulu Selangor folk 11

Local councils urged to plant more trees in Selangor's urban areas 12

Recycling and compost bins for low-cost flats 13

The Malaysian Reserve

Selangor's flood mitigation project to be completed within a year 14

China Press

Noraini: 15 law enforcement officials haven't vaccination, if refuse to do vaccination will revoke their subsidy 15

The Selangor Government provides 860 food baskets to hotel employees affected by the pandemic 16

Sin Chew Daily

Glove factory not involved in illegal pollution; Chemical analysis confirmed that white liquid is within passing measure 17

Petaling city council : Online guest meet to be held day after tomorrow; All opinions welcome 18

Shaky tree on slope at Taman Bukit Teratai leaves residents worried 19

Motorists have to avoid dangerous pothole at entrance that 'ate up' half of the road 20

Mobile vaccination arrived to Sungai Long; 492 people received first jab 21

MPKj will solve roadside stall problem; 18 locations to relocate illegal hawkers to 22

Guang Ming Daily

Mayor: Including 249 city hall personnel; Subang Jaya accumulated over 70k confirmed cases. 23

Repaired less than two weeks breakage again; Sungai Balak Road repave again. 24

Makkal Osai



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Illegal buildings demolished by municipal council



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 September 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Rayuan' Thanabalan punca jaringan 'roket'
Muka Surat	:	46

'Rayuan' Thanabalan punca jaringan 'roket'

Kuala Lumpur: Jika Sabah FC kekal dengan perancangan awal yang diputuskan sebelum mengambil sepakan percuma, sudah pasti gol 'roket' oleh Park Tae Su ketika berdepan PJ City FC, Isnin lalu tidak akan wujud.

Ini kerana pertahanan Korea Selatan itu mendedahkan pemain sudah merancang untuk melakukan hantaran menerusi sepakan percuma itu memandangkan jaraknya yang begitu jauh kira-kira 36 meter dari pintu gol PJ City FC.

Namun, keyakinan yang di-suarakan oleh rakan sepasukan

menyaksikan Tae Su memberanikan diri untuk melakukan percubaan yang akhirnya berjaya 'singgah' terlebih dahulu di palang sebelum menerjah gawang dan menewaskan Kalamullah Al-Hafiz pada minit ke-20.

"Sebelum sepakan percuma diambil, Levy Madinda katakan ia sangat jauh dan dia akan menghantarnya ke dalam kotak penalti. Kemudian (N) Thanabalan meminta saya untuk mengambilnya dan saya pun mahu mengambilnya kerana banyak kali melakukannya pada sesi latihan.

"Sebelum menendangnya pun, saya tidak tahu bola boleh masuk ataupun tidak. Cuma saya yakin kerana banyak kali saya cuba untuk melakukannya dari luar kotak penalti semasa latihan," katanya.

Terdahulu, nama Liga Malaysia (Liga M) dan Sabah FC 'mendunia' selepas jaringan Tae Su menarik perhatian Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) yang menyaksikan mereka berkongsi klip video jaringan terbabit ketika aksi Piala Malaysia bertemu PJ City FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya

(MBPJ), Isnin lalu.

Malah, badan induk bola sepak antarabangsa itu turut meninggalkan komen yang memuji jaringan berkelas dunia terbabit apabila menyifatkan gol itu akan menjadi sejarah buat skuad Tambahau.

Justeru, Tenaga Pengajar Elit Konfederasi Bolasepak Asia (AFC), Prof Madya Dr Zulakbal Abd Karim mencadangkan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) menghantar jaringan terbabit bagi pencalonan Anugerah Puskas FIFA.

Mengulas mengenai cadangan sekiranya jaringan terbabit dica-

lonkan untuk Anugerah Puskas FIFA, bekas pemain Hwaseong FC itu tampak berbesar hati kerana mahu melihat sama ada jaringan itu layak dinobatkan sebagai gol terbaik ataupun tidak.

"Memang ia gol yang sangat cantik dalam karier saya. Saya pun ingin tahu kalau gol ini boleh memenangi Anugerah Puskas FIFA ataupun tidak.

"Tetapi saya fikir mungkin sukar kerana banyak lagi jaringan tercantik yang berjaya dihasilkan sepanjang musim di seluruh dunia," katanya.



KERATAN AKHBAR		
30 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bimbang pencemaran berulang
Muka Surat	:	12

10,000 penduduk persoal kebenaran kilang bateri beroperasi di Jenjarom

Bimbang pencemaran berulang

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
 athir.ismail@mediamulia.com.my

KUALA LANGAT: Kira-kira 10,000 penduduk di Kampung Jenjarom di sini bimbang detik malang yang pernah mereka alami apabila sebuah kilang pembuatan bateri yang pernah mengakibatkan pencemaran plumbum, dikatakan bakal kembali beroperasi.

Kilang berkenaan pernah ditutup oleh kerajaan negeri pada 2019 selepas menjadi punca penduduk setempat terdedah kepada pencemaran logam tersebut.

Namun, kilang berkenaan yang dipercayai bertukar tangan kepada sebuah syarikat baharu didakwa bakal meneruskan operasi sama berkaitan bateri selepas dikatakan diluluskan oleh kerajaan negeri baru-baru ini.

Situasi berkenaan membimbangkan kerana bukan sahaja terletak berhampiran kawasan kampung dan taman perumahan, bahkan lima buah institusi pendidikan juga terletak dalam lingkungan satu kilometer dari kilang berkenaan.

Kelima-lima premis itu didakwa menempatkan kira-kira 6,000 pelajar yang sebelum ini pernah terdedah dengan pencemaran plumbum daripada kilang berkenaan.

Pengerusi Badan Bertindak Isu Pencemaran Plumbum Kampung Jenjarom, Mohd. Nazri Afrizal mempersoal tindakan membenarkan kilang berkenaan



WAKIL penduduk Kampung Jenjarom dan wakil pertubuhan bukan kerajaan berhimpun bagi membantah pembukaan semula kilang bateri di Jenjarom. Banting, baru-baru ini. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

beroperasi sedangkan ia pernah diarah tutup akibat masalah pencemaran.

Malah, beliau turut mempersoalkan pengoperasian kilang bateri yang dikategorikan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) sebagai industri berat, dibenarkan beroperasi di atas tapak digazet sebagai kawasan perusahaan sederhana.

Katanya, menerusi Rancangan Tempatan (RT) 2030 MPKL, kilang perusahaan bateri dikategorikan sebagai industri berat kelas C3.

Tambahnya, pada 11 Januari lalu, JAS memaklumkan kilang tersebut perlu berpindah jika ingin meneruskan operasi kerana terletak dalam kawasan Kampung Jenjarom yang juga digazetkan bagi industri sederhana.

"Kita buat petisyen secara dalam talian untuk menunjukkan solidariti dan hampir 10,000 orang atau 98 peratus daripada mereka menandatangani bersetuju kilang berkenaan tidak dibenarkan beroperasi.

"Tetapi yang menjadi tanda tanya dalam isu kilang bateri

itu, MPKL tidak menguatkuasakan undang-undang pihak berkuasa tempatan, sebaliknya mereka memberitahu bertindak atas rujukan Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS)," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada Jumaat lalu, sekumpulan penduduk Kampung Jenjarom serta wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan mengadakan bantahan di hadapan sebuah kilang di Jalan Sukepi selepas berjaya menghidu premis berkenaan akan kembali beroperasi dalam industri sama.

Bantahan itu diadakan selepas satu memorandum dihantar kepada Yang Dipertua MPKL, Datuk Amirul Azizan Abd. Rahim supaya membatalkan rancangan pembukaan kilang bateri di kampung mereka.

Dalam pada itu, Mohd. Nazri memaklumkan susulan bantahan, dalam hari sama penduduk dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dijemput untuk melawat kilang terabit oleh syarikat berkaitan, namun mendakwa hanya ditunjukkan bahagian-bahagian tertentu dalam premis tersebut.

"Kemudian, selepas lawatan berkenaan, kami melihat JAS mengeluarkan arahan terdapat beberapa peralatan dalam kilang berkenaan perlu dikeluarkan kerana didapati tidak sesuai digunakan dalam kawasan perusahaan sederhana," ujarnya.

Tambahnya, pada November 2018 kilang berkenaan pernah menerima aduan daripada penduduk kampung apabila mendapati keadaan air dalam longkang sekitar kilang berbasid.

Malah, sebelum itu lagi kilang terabit yang dibina pada 2011 dan beroperasi pada 2014 pernah terbakar pada 2017 sehingga menyebabkan penduduk termasuk murid tadika menerima akibatnya daripada sisa kebakaran seperti demam dan berhadapan bau busuk melanda kampung selama seminggu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Hanya libatkan pemasangan bateri YDP MPKL
Muka Surat	:	12

Hanya libatkan pemasangan bateri - YDP MPKL

KUALA LANGAT: Penduduk Kampung Jenjarom di sini dinasihatkan tidak bimbang mengenai pembukaan semula sebuah kilang di Jalan Sukepi kerana pengoperasiannya tidak melibatkan pembuatan sebaliknya cuma pemasangan bateri. Ia didakwa tidak bertentangan dengan Rancangan Tempatan (RT) 2030, Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) walaupun dalam kategori industri berat, namun kerja pemasangan bateri diklasifikasikan sebagai perusahaan sederhana.

Perkara itu dimaklumkan Yang Dipertuannya, Datuk Amirul Azizan Abd. Rahim, apabila menjelaskan tiada risiko pencemaran akan berlaku terhadap pengoperasian semula kilang

yang turut dipantau Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS). Malah, katanya pembukaan semula kilang berkenaan tidak akan mengulangi insiden pencemaran yang pernah berlaku dahulu dan membuka kembali peluang ekonomi kepada penduduk setempat.

“Syarikat lama memang buat bateri dan meleburkan plumbum, tetapi yang baharu ini hanya melibatkan pemasangan sahaja. Tidak ada risiko (pencemaran), JAS sudahkan sahkan operasi yang ketat diluluskan oleh mereka.

“Kita hendak buka pekerjaan baharu untuk anak-anak muda dekat Kampung Jenjarom, kita pun faham sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) sebelum ini ramai yang kena buang kerja,” katanya ketika dihubungi.

Dalam pada itu, Amirul Azizan turut memaklumkan pihak MPKL masih belum meluluskan pemberian lesen kepada syarikat Federal Power Holdings Sdn Bhd untuk beroperasi.

Malah, jika kelulusan diberikan, sebagai permulaan lesen sementara selama dua tahun akan dikuatkuasakan dan syarikat perlu memperbaharainya pada setiap enam bulan bagi memastikan pematuhan syarat MPKL dan JAS dipatuhi.

“Bila semua syarat JAS dan MPKL sudah diluluskan, baharu kita keluarkan lesen. Tetapi kita pantau prestasi mereka dalam masa dua tahun,” katanya.



WAKIL penduduk Kampung Jenjarom menunjukkan memorandum yang dihantar kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat bagi membantah pembukaan kilang bateri di kampung itu.



KERATAN AKHBAR 30 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Darren , Kalamullah jadi sandaran PJ City
Muka Surat	:	47

Darren, Kalamullah jadi sandaran PJ City

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY
 BADLISHAH

KELAB Petaling Jaya (PJ) City FC berdepan tugas getir untuk memburu kemenangan pertama saingan Piala Malaysia apabila menentang Johor Darul Ta'zim (JDT) pada aksi kedua Kumpulan D di Stadium Sultan Ibrahim malam ini.

Ketua jurulatih PJ City, P. Maniam pastinya mempertaruhkan kecemerlangan dua pemainnya iaitu penyerang, Darren Lok dan penjaga gol, Kalamullah Al-Hafiz Mat Rowi dalam usaha mencipta kejutan sensasi ke atas JDT.

Ia berdasarkan prestasi hebat ditampikan kedua-dua pemain itu ketika bangkit mencatat keputusan seri 1-1 dengan Sabah FC sewaktu aksi pembukaan Kumpulan D di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada Isnin lalu.

"Kita dapat lihat impak Darren dalam babak kedua (menentang Sabah) berbanding separuh masa pertama. Dia mengikut beberapa arahan dan berjaya menjaringkan gol buat PJ City.

"Kalamullah juga cemerlang dengan menyelamatkan sepakan penalti dan satu percubaan penting. Kalamullah bantu kami meraih satu mata dan ia satu kelebihan buat kami apabila dia berada



DARREN (tengah) giat menjalani latihan bersama rakan-rakan sepasukan menjelang aksi menentang JDT pada saingan Piala Malaysia di Stadium Sultan Ibrahim, Iskandar Puteri malam ini.

dalam pasukan," kata Maniam.

Sebagai rekod, *The Phoenix* tewas dua perlawanan terakhir bertemu Harimau Selatan dalam aksi Liga Super musim ini dengan keputusan 0-3 (April) dan 0-2 di pusingan kedua liga hujung bulan lepas.

Bagaimanapun, ia bukan misi mustahil buat PJ City kerana mereka pernah beberapa kali memberikan tentangan sengit kepada skuad bimbingan Benjamin Mora itu dengan kemenangan 1-0 pada aksi Liga Super 2019 selain seri 2-2 tahun lalu.

Justeru, barisan pemain PJ City terutama Kalamullah yang dikatakan baru menimang cahaya mata ketiganya mahu melakukan sesuatu ke atas JDT yang mendahului carta Kumpulan D hasil kemenangan 2-0 terhadap Kelantan FC.



KERATAN AKHBAR **30 September 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Mahu kemudahan asas diberi perhatian
Muka Surat	:	22

Mahu kemudahan asas diberi perhatian

RMK12

SHAH ALAM -

Kerajaan Selangor berharap agar kemudahan asas seperti sekolah dapat diberi perhatian sewajarnya di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kualiti pembelajaran pelajar di bandar pada masa ini amat membimbangkan berikutan jumlahnya yang melebihi kadar disarankan sehingga mencecah 50 orang bagi satu kelas.

Beliau berkata, keadaan ini pastinya akan memberi kesan kepada kondisi pembelajaran setiap pelajar terlibat.

“Pandemik memberi ingatan kepada kita bahawa ventilasi adalah satu proses penting dan kita berharap banyak tapak sekolah yang telah diserahkan kepada kerajaan Persekutuan sebelum ini dapat disiapkan kerana permintaannya sangat tinggi.

“Contohnya di Elmina, ada lima tapak tapi belum ada satu sekolah dibina dan pelajar terpaksa bersekolah di Subang Bestari yang sedikit sebanyak menyebabkan kesesakan dalam kelas.

“Ini adalah contoh bagaimana kawasan perbandaran baharu dan mempunyai lima tapak sekolah namun belum ada pembinaan di sana,” katanya selepas Majlis Serahan Sumbangan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) kepada kerajaan Selangor untuk Tabung Prihatin Tahfiz Selangor di Bangunan Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), pada Rabu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Isnin memaklumkan penumpuan akan diberikan bagi menambah baik sistem pendidikan negara dalam menangani isu ketidakpadanan dalam pasaran pekerjaan di bawah RMK12.



KERATAN AKHBAR 30 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Naik taraf sistem saliran bertahan sampai 100 tahun
Muka Surat	:	22

Naik taraf sistem saliran bertahan sampai 100 tahun

Pelan dirancang bertujuan atasi kejadian banjir yang kerap berlaku

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor sedang melaksanakan Pelan Perancangan Projek Tebatan Banjir bagi meningkatkan kemampuan sistem saliran di negeri ini bagi tempoh 100 tahun.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, buat masa ini, kebanyakan sistem saliran di negeri ini hanya mampu bertahan untuk tempoh 50 tahun.

Beliau berkata, pelan berkenaan telah dirangka selepas berlakunya banjir besar di Kajang pada tahun lalu yang mengakibatkan sistem saliran di kawasan berkenaan tidak mampu menampung jumlah kadar hujan yang turun.

“Dengan kerancangan pembangunan dan beberapa faktor lain, kerajaan negeri dalam persiapan menyiapkan pelan tersebut.

“Maknanya, sistem saliran di satu kawasan itu akan dibuat dengan meng-



Amirudin (tiga dari kiri) menerima replika cek yang disumbangkan KSSB kepada Tabung Prihatin Tahfiz Selangor di Bangunan SSAAS, Shah Alam pada Rabu.

ambil kira anggaran kemampuannya untuk menampung kapasiti limpahan air bagi 100 tahun ke depan,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Serahan Sumbangan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) kepada kerajaan Selangor untuk Tabung Prihatin Tahfiz Selangor di Bangunan Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), di sini pada Rabu.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, pelan perancangan itu memerlukan tempoh minimum selama setahun untuk dilaksanakan dan sebahagian projek tebatan banjir juga sedang berjalan buat

masa ini.

Beliau berkata, jabatan-jabatan terlibat juga perlu membentangkan laporan teknikal masing-masing berhubung pelaksanaan pelan tersebut.

“Sebahagian pelaksanaan pelan ini sedang berjalan dan terdapat juga projek turut berdepan sedikit gangguan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini,” katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai fenomena air pasang besar di Selangor, Amirudin berkata, kerajaan negeri sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bank Muamalat bantu usahawan Asnaf dan B40, terkesan akibat pandemik
Muka Surat	:	30

Bank Muamalat bantu usahawan Asnaf dan B40, terkesan akibat pandemik



KUALA LUMPUR- Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) menyerahkan sijil penyertaan program iTEKAD Mawaddah, program keusahawanan yang bercirikan kewangan sosial dan konsep syariah mudarabah kepada 10 usahawan perintis melalui satu sesi yang diadakan secara maya.

Bagi program ini, Bank Muamalat menyediakan platform pelaburan patuh syariah bertujuan memberikan pulangan yang kompetitif kepada pelabur. Usahawan yang menyertai program iTEKAD Mawaddah, berlandaskan konsep mudarabah, akan menerima dana daripada pelabur untuk menjalankan perniagaan mereka. Keuntungan dan kerugian (jika ada) yang dijana akan dikongsi di antara usahawan dan pelabur.

Program iTEKAD Mawaddah akan menyediakan modal kerja sehingga RM10,000 dan latihan perniagaan secara percuma untuk setiap usahawan daripada golongan asnaf dan B40 yang terpilih.

Majlis yang berlangsung secara norma baharu itu, disertai 10 usahawan dari sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Kedah dan Johor serta disaksikan oleh Ketua Pegawai Strategi Bank Muamalat, Mohammad Fairuz Mohd Radi dan pihak pengurusan kanan Bank Muamalat serta wakil daripada perunding latihan yang dilantik iaitu People Systems Consultancy Sdn Bhd dan Serunai COE Sdn Bhd.

Inisiatif yang diterajui oleh Bank Muamalat ini bertujuan menyokong usaha Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membantu usahawan daripada golongan asnaf dan B40 menceburi bidang perniagaan atau memajukan perniagaan mereka. Program iTEKAD Mawaddah turut terbuka kepada usahawan daripada kumpulan sasaran ini yang terkesan oleh pandemik Covid-19.

Bank Muamalat telah berjaya meraih dana yang diperlukan untuk membantu 10 orang usahawan yang terpilih. Dana yang diterima daripada pelabur akan dijadikan modal kerja oleh usahawan. Bidang perniagaan yang dipilih untuk fasa pertama adalah industri makanan dan minuman.

Mereka juga akan menerima latihan keusahawanan yang bersesuaian daripada jurulatih perunding yang berpengalaman. Sekiranya layak, peniaga akan turut dibantu untuk mendapatkan sijil halal bagi membolehkan mereka bersaing secara kompetitif di peringkat global.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Khairul Kamarudin berkata, bantuan berterusan wajar disalurkan kepada golongan usahawan bagi menyokong pemulihan ekonomi, terutamanya ketika negara terus diancam pandemik Covid-19.

"Matlamat program iTEKAD Mawaddah adalah untuk memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dan memperkasa golongan asnaf dan B40, selaras dengan inisiatif Pengantaraan Berasaskan Nilai atau Value Based Intermediary (VBI) yang didokong oleh Bank Muamalat. Program ini juga mendapat sokongan daripada Lembaga Zakat Selangor, Pusat Pungutan Zakat MAIWP, dan agensi zakat negeri lain," katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai program ini, sila layari www.muamalat.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank - *Bername*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 September 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Projek Tebatan Banjir 100 Tahun Selangor dijangka siap setahun lagi
Muka Surat	:	-



KERATAN AKHBAR		
30 September 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	First phase of flood mitigation work along Jalan Cheras to be completed on Oct 9
Muka Surat	:	4

First phase of flood mitigation work along Jalan Cheras to be completed on Oct 9

By SHALINI RAVINDRAN
 shaliniravindran@thestar.com.my

MOTORISTS travelling along Jalan Cheras will have to put up with massive traffic jams just a bit longer as flood mitigation works are being carried out until Oct 9.

The works, which include silt dredging and removal of Air Selangor pipes, have caused traffic disruption as three of the five lanes on the Kuala Lumpur-bound road have to be closed.

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) had previously announced that the area in front of Taman Mutiara MRT station and EkoCheras Mall was a flood hotspot.

Cheras MP Tan Kok Wai said this was phase one of a long-term solution to reducing the severity of flooding in the area.

“Stakeholders have had to deal with frequent flooding, especially over the past three years.

“The situation is so bad that cars have even become submerged after being stuck here during heavy rain.

“DBKL is finally taking action and we hope that motorists will be patient while the works are being done,” he said after a briefing with DBKL, Air Selangor and Public Works Institute of Malaysia’s (Ikram) representatives.

He added that one lane might be reopened to traffic by this Saturday should work be carried out without disruption.

The first phase of the project is estimated to cost RM1.7mil.

Tan said the second phase of the project would involve raising the road level in front of the MRT station.

“At the moment, this particular section is lower and creating a dip where water collects.

“DBKL will raise the road so that it is even and water can flow into the drains before being channelled into Sungai Kerayong,” he explained.

Meanwhile, Ekovest Bhd (which owns EkoCheras Mall) said it was keen to see the flood mitigation project completed soon.

Managing director Tan Sri Lim Keng Cheng said customers and tenants had been severely affected by the floods.

“This is an important route for those heading to and from the city.

“Every downpour is a cause of worry for us as traffic comes to a standstill.

“We are pleased to learn that DBKL is undertaking flood mitigation here,” he said, adding that an estimated 20,000 vehicles used the route daily.

In tabling DBKL’s Budget 2021, Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah had announced that RM130mil would be allocated as part of the Flood Mitigation Masterplan 2017 measures with 23 projects to be implemented by DBKL.

DBKL has also mapped out 53 vulnerable flood hotspots, including this stretch along Jalan Cheras.



KERATAN AKHBAR		
30 September 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MBSJ mulling action against unvaccinated staff
Muka Surat	:	4

Selangor

Subang Jaya
 council to consider
 redesignating
 unvaccinated
 staff >4

MBSJ mulling action against unvaccinated staff

By **JADE CHAN**
 jade@thestar.com.my

SUBANG Jaya City Council (MBSJ) is considering redesignating employees who refuse to be vaccinated against Covid-19, and suspending a special allowance for enforcement personnel who refuse to be inoculated.

The issue of unvaccinated council staffers was brought up at MBSJ's full board meeting yesterday, when it was revealed that of the 15 who had yet to be vaccinated, five refused to get their jabs and only two had given valid doctor's letters exempting them due to medical conditions.

"The excuse that they have not received an appointment does not hold water since walk-ins for Covid-19 jabs are allowed," said Subang Jaya mayor Noraini Roslan.

"We will need to look into redesignating non-vaccinated employees to duties that do not require them to interact with the public and other staffers.

"Enforcement officers who refuse to get jabbed may possibly have their special RM300 allowance suspended.

"That allowance was determined by the Selangor government because of their front-line duties.

"But if they cannot be out in public because of their unvaccinated status, then there is no reason to pay that allowance," said Noraini, adding that MBSJ had to be firm and not be seen as practising double standards, since unvaccinated members of the public could not enter certain council premises such as markets.

Several MBSJ councillors supported

Noraini's proposals, with George Yap Kok Weng suggesting that unvaccinated staffers undergo regular Covid-19 testing and bear the cost of those tests on their own.

Meanwhile, Mohan Singh Surtar Singh questioned where unvaccinated employees would be placed since office duties still required them to interact with others.

After debating the matter, Noraini said: "We will give the unvaccinated employees a deadline to get their jabs.

"Other details including redesignation of duties will be decided by the Management Services Department and Health Department."

The meeting, which was held in a hybrid manner, also saw the tabling of two papers.

Management Services Department deputy director Nik Zalina Megat Muda presented a proposal to adopt a circular issued by Selangor state secretary (local government section) on management guidelines for councillors under Selangor's local authorities.

Town Planning Department deputy director Hazman Mohd Mahayudin later tabled a paper on the installation of solar photovoltaic panels in the staff parking lot area at MBSJ's headquarters.

